

## UMP Cemerlang Seni Gerak Silat Tradisional Pahang



Maran, 14 Mei- Persatuan Pencak Silat Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menyertai Pertandingan Seni Gerak Silat Tradisional Pahang 2016 bertempat di Pekan Chenor Lama, Maran baru-baru ini.

Pertandingan yang merupakan anjuran Persatuan Seni Silat Senaman Gerak Sentuhan Kuantan dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pahang yang merupakan program Merakyatkan Seni Budaya (PMS) Seni Bela Diri.



Sebanyak 10 pasukan telah mengambil bahagian yang terdiri daripada pelbagai latar belakang silat dari seluruh Malaysia. Pasukan pencak silat UMP diketuai Nor Azazi Mamat serta Mohd Zulfahmi Zulkifli selaku Jurulatih Pasukan.

Persatuan Pencak Silat UMP telah mengungguli beberapa kategori sekaligus dinobatkan sebagai Pasukan Terbaik dan membawa pulang hadiah berupa piala pusingan, medal dan wang tunai.

UMP mengungguli pertandingan dengan menang Pasukan Terbaik, Persembahan Terbaik kategori Gerak Solo Tanpa Senjata dan Gerak Tempur Tangan Kosong serta tempat kedua Gerak Jurus Kumpulan Tanpa Senjata.



"Latihan yang konsisten sebelum pertandingan membuahkan hasil apabila berjaya menjuarai Gerak Solo Tanpa Senjata dan sungguh gembira kerana dapat membanggakan UMP" kata Mohamad Taufik Mohamad Fauzi, 19 dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Antara persatuan yang terlibat di dalam penganjuran kali ini ialah Persatuan Seni Silat Senaman Gerka Sentuhan Kuantan, Persatuan Seni Silat Sembah Pahang, Persatuan Seni Silat Warisan Belebat dan Persatuan Seni Silat Lian Sabili Terengganu.

Bagi Jurulatih Pasukan, disiplin yang tinggi oleh para atlet menjadikan mereka mampu mengatasi pihak lawan.



“Saingan sengit dalam kalangan atlet kerana persembahan mereka mengikut perguruan atau persilatan masing-masing” katanya.

Majlis penyampaian hadiah dan sijil penyertaan disampaikan oleh Penasihat Persatuan Pengawal Peribadi (BGM), Dato’ Seri Dr. Shah Harizal Kamarudin.

**Disediakan oleh Nor Fadzillah Zulkipli dari Bahagian Komunikasi Korporat**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 19-05-2016, 16:41:47